

**Parlimen: Pembayaran Wang Ke Akaun CEO Tabung Haji Ikut Undang-undang Bernama
19 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Kerajaan menjelaskan bahawa pembayaran wang sebanyak RM308,700 ke dalam akaun Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji (TH), Datuk Ismee Ismail pada tahun lalu adalah sah mengikut undang-undang, Dewan Rakyat diberi tahu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata ia adalah pembayaran mengikut terma dan syarat yang terkandung dalam kontrak perkhidmatan Ismee seperti diperuntukkan dalam Akta Lembaga Tabung Haji 1995.

"Isu ini sudah dijawab oleh Kementerian Kewangan semasa sesi penggulungan perbekalan tambahan peringkat dasar pada sidang Dewan Rakyat 4 April lalu," katanya dalam jawapan bertulis menjawab soalan Datuk Mahfuz Omar (PAS-Pokok Sena) pada persidangan Dewan Rakyat Selasa.

Mahfuz dalam soalnya meminta Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyatakan atas dasar apakah pada 6 Dis 2011 TH memindahkan wang sebanyak RM308,700 ke akaun Ismee.

Jamil Khir berkata TH sentiasa mendukung teguh prinsip tadbir urus korporat yang baik bagi membendung dan mengelakkan sebarang aktiviti rasuah dan salah laku anggotanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=674088>